



**KASTAM DIRAJA MALAYSIA**

**CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN**

**PANDUAN  
PEMBERI PINJAM WANG**

## KANDUNGAN

<b>PENDAHULUAN.....</b>	<b>1</b>
Cukai Barang Dan Perkhidmatan (CBP) Secara Umum.....	1
<b>LAYANAN CBP KE ATAS PEMBERI PINJAM WANG .....</b>	<b>1</b>
Pemberian pinjaman.....	1
Pelupusan cagaran untuk mendapatkan balik pinjaman.....	2
<b>KREDIT CUKAI INPUT .....</b>	<b>4</b>
<b>SOALAN-SOALAN LAZIM .....</b>	<b>5</b>
<b>MAKLUM BALAS DAN KOMEN .....</b>	<b>8</b>
<b>BANTUAN DAN MAKLUMAT LANJUT .....</b>	<b>8</b>

## **PENDAHULUAN**

1. Panduan ini disediakan untuk membantu industri Pemberi Pinjam Wang dalam memahami Cukai Barang dan Perkhidmatan dan implikasinya ke atas industri tersebut.

### **Cukai Barang Dan Perkhidmatan (CBP) Secara Umum**

2. Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) merupakan cukai berperingkat ke atas kepenggunaan dalam negeri. CBP dikenakan ke atas semua pembekalan barang dan perkhidmatan bercukai di dalam Malaysia melainkan secara khusus dikecualikan. CBP juga dikenakan ke atas pengimpotan barang dan perkhidmatan ke dalam Malaysia.

3. Bayaran cukai dibuat dalam pelbagai peringkat pengantara iaitu dalam proses pengeluaran dan pengedaran. Walaupun cukai akan dibayar disepanjang proses pengeluaran dan rantai pengedaran, hanya nilai tambah pada setiap peringkat dikenakan cukai. Sehubungan itu mekanisma ini akan mengelakkan daripada berlaku cukai berganda.

4. Di Malaysia, orang yang berdaftar di bawah Akta Cukai Barang Dan Perkhidmatan 201X disebut sebagai orang berdaftar. Orang berdaftar dikehendaki mengenakan cukai output ke atas pembekalan barang dan perkhidmatan bercukai yang dibuat kepada pelanggan. Registran dibenarkan menuntut kredit cukai mana-mana CBP yang terlibat ke atas pembelian yang merupakan input kepada perniagaannya. Oleh itu cukai yang dikenakan ini, bukanlah merupakan kos kepada pihak-pihak pengedar dan ianya tidak dinyatakan sebagai butir-butir perbelanjaan di dalam penyata kewangan.

## **LAYANAN CBP KE ATAS PEMBERI PINJAM WANG**


### **Pemberian pinjaman**

5. Pinjaman yang disediakan oleh pemberi pinjam wang kepada peminjam merupakan pembekalan yang dikecualikan cukai. Sebagai balasan kepada pinjaman, peminjam dikehendaki membuat bayaran pokok beserta faedah secara

ansuran kepada pemberi pinjam wang. Bayaran ke atas faedah juga dikecualikan daripada CBP. Pinjaman atau wang pendahuluan diberi samada berjamin (cagaran) atau tanpa jaminan. Cagaran sekiranya ada disediakan merupakan pembekalan yang dikecualikan cukai.

Ringkasan mengenai perniagaan pemberi pinjam wang adalah seperti di **Rajah 1** di bawah:

**Rajah 1: Perniagaan Pemberi Pinjam Wang**



### **Pelupusan cagaran untuk mendapatkan balik pinjaman**

6. Bagi mendapatkan balik pinjaman yang tidak berbayar bagi kes pinjaman berjamin, pihak pemberi pinjaman boleh melupuskan cagaran bagi mendapat balik baki hutang jika:

- (a) Cagaran dalam bentuk harta tak alih


Pemberi pinjam wang boleh memohon dari Mahkamah Tinggi bagi mendapatkan arahan merampas cagaran bagi mendapatkan balik jumlah pinjaman. Jualan ke atas harta yang dicagar tertakluk kepada CBP jika pemberi pinjam wang merupakan orang kena cukai.

- (b) Cagaran dalam bentuk harta alih

- Pemberi pinjam wang boleh memindahkan cagaran tersebut kepada jurulelong untuk dilelong. Pemindahan daripada pemberi pinjam wang kepada jurulelong bukan merupakan pembekalan bercukai dan pemberi pinjam wang tidak perlu mengakaun CBP.
- Jurulelong akan mengenakan CBP ke atas jualan aset yang dicagarkan sekiranya pemberi pinjam merupakan orang kena cukai.
- Jurulelong akan mengenakan CBP kepada pemberi pinjaman di atas perkhidmatan lelongan jika jurulelong adalah registran. Jurulelong hendaklah mengakaun CBP bagi penjualan dan khidmat lelongan. Pemberi pinjam wang tidak perlu mengakaunkan hasil yang diperolehi dari lelongan.
- Pemberi pinjam wang akan memulangkan hasil lelongan sekiranya melebihi daripada tunggakan hutang. Peminjam tidak perlu mengakaunkan hasil yang diperolehi daripada CBP.

Berikut adalah ilustrasi untuk mendapatkan balik pinjaman daripada peminjam seperti di **Rajah 2**.

**Rajah 2: Kutipan Semula Pinjaman**



## KREDIT CUKAI INPUT

7. Memandangkan pemberi pinjam wang ini menjalankan pembekalan bercukai dan pembekalan yang dikecualikan, ia hanya layak menuntut cukai input yang terlibat secara langsung dalam pembekalan bercukai. Cukai input yang terlibat secara langsung dalam pembekalan yang dikecualikan adalah tidak layak dituntut. Walau bagaimanapun, bagi “residual input” seperti utiliti, insurans, peralatan pejabat dan sebagainya, ia boleh menuntut cukai input yang terlibat berdasarkan “apportionment rules”. Sila rujuk kepada perintah tetap berkaitan dengan kredit cukai input.

## SOALAN-SOALAN LAZIM

### Pendaftaran.

**S1: Apakah pembekalan yang perlu diakaunkan oleh pemberi pinjam wang bagi tujuan pendaftaran CBP?**

J1: Pembekalan yang perlu diakaunkan bagi tujuan pendaftaran CBP adalah:

- (a) Jualan ke atas cagaran bila peminjam gagal membuat pembayaran.
- (b) Bayaran ke atas penyediaan dokumen (seperti penyata akaun dan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan pinjaman)
- (c) Lain-lain pembekalan bercukai

### Kredit cukai input

**S2: Pemberi pinjam wang perlu membuat iklan menerusi surat khabar dan internet mengenai perniagaan memberi pinjaman wang. Bolehkah CBP yang dikenakan ke atas pengiklanan tersebut dituntut?**

J2: CBP ke atas pengiklanan tidak boleh dituntut sebagai kredit cukai input kerana aktiviti perniagaan memberi pinjam wang merupakan pembekalan yang dikecualikan daripada cukai.

**S3: Bolehkah pemberi pinjam wang menuntut CBP yang dikenakan ke atas bayaran dokumentasi seperti caj-caj pentadbiran guaman berkaitan dengan cagaran-cagaran yang perlu bagi mendapatkan pinjaman?**

J3: CBP yang dikenakan ke atas bayaran tersebut tidak boleh dituntut kerana input-input bagi menyediakan aktiviti memberi pinjam wang merupakan pembekalan yang dikecualikan cukai.

**S4: Sebagai pengusaha memberi pinjam wang ada masanya memerlukan khidmat professional dalam kerja-kerja membuat penilaian ke atas aset yang dicagarkan bagi mendapatkan pinjaman. Adakah CBP ke atas kerja penilaian yang dikenakan oleh jurutera atau jurukur dituntut?**

J4. Apa-apa CBP yang secara langsung terlibat dengan aktiviti perniagaan memberi pinjam wang tidak boleh dituntut kerana ia merupakan pembekalan

yang dikecualikan cukai. Walau apapun sekiranya harta yang dicagarkan tersebut dibuat penilaian sebelum cagaran tersebut dijual, CBP boleh dituntut kerana penjualan aset tersebut merupakan pembekalan bercukai.

**S5: Bolehkah pengusaha pemberi pinjam wang menuntut CBP ke atas perbelanjaan overhead seperti elektrik dan sewa pejabat?**

J5: Perbelanjaan elektrik dan sewa pejabat merupakan lebihan input (residual inputs). Oleh kerana perniagaan pemberi pinjam wang menyediakan kedua-dua pembekalan bercukai dan pembekalan dikecualikan, pemberi pinjam wang boleh menuntut CBP ke atas input yang digunakan secara langsung kepada pembekalan bercukai dengan menggunakan kaedah agihan (apportionment rule).

**S6: Pengusaha pemberi pinjam wang membayar CBP ke atas bekalan perkhidmatan lelongan. Bolehkah CBP tersebut dituntut sebagai kredit cukai input?**

J6. CBP ke atas lelongan boleh dituntut kerana ianya merupakan lelongan ke atas aset yang dicagarkan.

#### **Kerugian ke atas pelupusan**

**S7: Pengusaha pemberi pinjam wang juga mengalami kerugian ke atas pelupusan harta yang dicagar kerana tidak dapat menampung nilai pinjaman dan faedah. Adakah kerugian yang dialami ke atas penjualan aset yang dicagar tersebut boleh dikecualikan daripada CBP?**

J7: Pelupusan ke atas cagaran dengan cara penjualan samada untung atau rugi merupakan pembekalan bercukai pada kadar standard.

#### **Penukaran pinjaman, pemindahan, pembaharuan, pindah milik**

**S8: Jika berlaku sebarang penukaran kepada pinjaman sebelum pinjaman dikeluarkan (disbursement) atau semakan semula ke atas pinjaman, adakah penukaran tersebut tertakluk kepada CBP?**

J8: Perubahan kepada terma pinjaman (contoh perubahan jumlah pinjaman) atau semakan semula pinjaman (contoh perubahan syarat-syarat asal pinjaman) di



mana bayaran dikenakan atas perkhidmatan tersebut adalah di luar skop CBP.

**S9: Bagaimana dengan CBP jika berlaku pemindahan pinjaman dari pengusaha pemberi pinjaman kepada pemberi pinjam yang lain?**

J9: Pemindahan pinjaman dari satu pengusaha kepada pengusaha pemberi pinjam yang lain adalah di luar skop CBP dan tidak tertakluk kepada CBP.

**S10: Apakah layanan CBP ke atas memperbaharui pinjaman ke suatu tempoh yang baru setelah pinjaman asal mencapai tempoh matang?**

J10: Memperbaharui pinjaman adalah pembekalan dikecualikan daripada cukai dan tidak tertakluk kepada CBP.

**S11: Apakah layanan CBP ke atas pinjaman atau kredit bila berlaku pindah milik ke atas cagaran, hak atau lain-lain faedah kepada penerima?**

J11: Pinjaman atau kredit yang dipindah milik kepada pemilik lain adalah di luar skop CBP dan tidak dikenakan CBP.

#### **Lain-lain caj**

**S12: Adakah duti setem dan bayaran ke atas pengesahan (attestation fees) perjanjian pinjaman oleh pihak guaman dikenakan CBP?**

J12: Bayaran setem duti merupakan satu peraturan perundangan adalah di luar skop pembekalan. Akan tetapi khidmat guaman adalah pembekalan bercukai dan dikenakan CBP sekiranya pihak guaman adalah orang berdaftar CBP.

**S13: Pengusaha pemberi pinjam wang mengenakan bayaran RM3.00 kepada peminjam di atas permintaan penyata akaun pinjaman atau RM5.00 bagi salinan dokumen-dokumen berkaitan pinjaman atau salinan cagaran. Bayaran ini ditetapkan di dalam Akta Pemberi Pinjam 1951. Adakah bayaran ini tertakluk kepada CBP?**

J13: Bayaran tersebut merupakan pembekalan bercukai berkadar standard.

## **MAKLUM BALAS DAN KOMEN**

8. Sebarang maklum balas atau komen adalah sangat dihargai. Sila emel maklum balas atau komen anda kepada Mohd Hisham B. Mohd Nor (m\_hisham.nor@customs.gov.my) atau Aminul Izmeer B. Mohd Sohaimi (izmeer.msohaimi@customs.gov.my).

## **BANTUAN DAN MAKLUMAT LANJUT**

9. Maklumat lanjut boleh diperolehi daripada:
- (a) Laman sesawang CBP: [www.gst.customs.gov.my](http://www.gst.customs.gov.my)
  - (b) Hotline CBP: 03-88822111
  - (c) Pusat Panggilan Kastam :
    - Tel: 03-78067200/ 1-300-888-500
    - Faks: 03-78067599
    - E-mel: [ccc@customs.gov.my](mailto:ccc@customs.gov.my)